

Pengamalan Ilmu Keibubapaan dalam Kalangan Ibu Bapa Muslim di Malaysia

The Application of Parenting Knowledge among Muslim Parents in Malaysia

Safinah Ismail¹, Abdul Wahab Md. Ali², Mariam Abd Majid³, Abur Hamdi Usman⁴, Rosmawati Mohamad Rasit⁵, Zulkefli Aini⁶, Siti Khaulah Mohd Hamzah Murghayah⁷

^{1,3,4,7} Universiti Islam Selangor (Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia)

²Universiti Teknologi Mara (Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 23000, Kuala Dungun, Terengganu, Malaysia)

^{5,6}Universiti Kebangsaan Malaysia (Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia)

Email: ¹safinah@uis.edu.my, ²abdulwahab@uitm.edu.my, ³mariam@uis.edu.my, ⁴aburhamdi@uis.edu.my, ⁵rosmawati@ukm.edu.my, ⁶zulaini@ukm.edu.my, ⁷22mt09002@postgrad.uis.edu.my

ABSTRAK

Ilmu keibubapaan merupakan suatu kemahiran yang perlu dikuasai oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Penguasaan ilmu keibubapaan yang baik mempunyai hubungan yang signifikan dengan ikatan hubungan kekeluargaan. Ibu bapa Muslim di Malaysia sebagai pemimpin keluarga perlu mengamalkan ilmu keibubapaan yang bersesuaian dengan latar belakang agama Islam dan budaya setempat. Ia menjadi suatu cabaran apabila ibu bapa tidak tahu bagaimana untuk mendepani anak-anak terutamanya semasa mereka berada dalam fasa remaja. Pengamalan ilmu keibubapaan yang tidak berstrategi akan menyebabkan kesan dalam pembentukan remaja. Oleh yang demikian, kajian ini ingin mengenal pasti pengamalan ilmu keibubapaan dalam kalangan ibu bapa Muslim di Malaysia. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan reka bentuk temubual separa berstruktur ke atas 20 orang ibu bapa Muslim di zon Utara, Selatan, Timur dan Barat Semenanjung Malaysia. Proses penganalisisan data secara tematik pula dijalankan menggunakan perisian Atlas.ti 23. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat empat elemen pengamalan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa Muslim di Malaysia iaitu sentiasa menambah ilmu, menjalankan gaya keibubapaan yang berbeza dengan generasi sebelumnya, mendapatkan nasihat pakar tentang masalah keluarga dan kurang membuat

persediaan. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan rujukan dan sumbangan dalam menambahbaik penguasaan ilmu keibubapaan khususnya di Malaysia.

Kata kunci: Pengamalan keibubapaan, gaya keibubapaan, kemahiran keibubapaan, keibubapaan Muslim, ibu bapa dengan remaja

ABSTRACT

Parenting knowledge is a crucial skill for educating children. Proficiency in good parenting knowledge has a significant relationship with family ties. Muslim parents in Malaysia, as family leaders, need to practice parenting that is compatible with their Islamic religious background and local culture. It becomes a challenge when parents do not know how to deal with their children, especially during the teenage phase. Non-strategic parenting practices can impact adolescent formation. This study aims to identify the application of parenting knowledge among Muslim parents in Malaysia. The research was conducted qualitatively using a semi-structured interview design involving 20 Muslim parents from the North, South, East, and West zones of Peninsular Malaysia. Thematic data analysis was carried out using Atlas.ti software version 23. The results reveal four elements of parenting practices among Muslim parents in Malaysia: continuously acquiring knowledge, implementing a parenting style different from the previous generation, seeking expert advice on family problems, and demonstrating less preparation. It is hoped that this study can be used as a reference to improve proficiency in parenting knowledge, especially in Malaysia.

Keywords: Muslim parenting, parenting practices, parenting skills, parenting style, parents of teenagers

PENGENALAN

Proses keibubapaan bermula sebelum atau semasa fasa kehamilan ibu dan ia berterusan sepanjang hidup. Ibu bapa sentiasa menginginkan yang terbaik untuk anak-anak mereka seperti mereka mahu anak membesar dengan sihat, selamat dan sentiasa berkembang dengan positif dalam pelbagai aspek di setiap fasa umur. Namun begitu, ibu bapa tidak selalu tahu cara terbaik untuk mencapai matlamat ini (Smith, 2010). Apabila anak-anak meningkat ke fasa remaja pula, ibu bapa menghadapi masalah tidak tahu bagaimana untuk berhadapan dengan anak-anak mereka (Syah Rizal et al., 2017). Salah satu faktor yang boleh diketengahkan ialah disebabkan pengabaian kepentingan pendidikan keibubapaan dalam pendidikan negara kita. Sistem pendidikan tidak membincangkan secara khusus berkenaan pendidikan keibubapaan sebagai satu silibus dalam sistem persekolahan sehinggalah peringkat pengajian tinggi (Baba, 2007). Namun begitu, ilmu keibubapaan boleh ditambah baik melalui nasihat dan pengajaran untuk membentuk kesan yang baik terhadap anak (Smith, 2010).

Jika ditelusuri di dada-dada akhbar, laporan berkenaan isu kekeluargaan banyak berkait dengan masalah sosial dan jenayah (Bernama, 2024), remaja terlibat dengan dadah, jenayah seksual seperti sumbang mahram (Vivi Sumanti, 2022), masalah kesihatan mental dan keganasan rumah tangga (Bernama, 2023). Disebabkan faktor ekonomi, ibu bapa terpaksa keluar bekerja sehingga menyebabkan anak-anak terabai. Tanpa pengawalan dan pemantauan, anak-anak mula terjebak dengan aktiviti jenayah (Bernama, 2024). Ikatan kekeluargaan yang lemah pula menyebabkan anak-anak terbabit dengan jenayah seksual. Tingkah laku anak berkait rapat dengan keharmonian sesebuah keluarga (Vivi Sumanti, 2022). Para remaja ini memerlukan bimbingan dan kasih sayang daripada ibu bapa untuk menguruskan kehidupan mereka. Pemikiran mereka juga belum mencapai tahap yang matang (Bernama, 2022). Hakikatnya, hubungan ibu bapa dengan anak-anak ini saling memerlukan dan bergantung antara satu sama lain (Vivi Sumanti, 2022). Institusi keluarga adalah tempat anak-anak dididik dan dibentuk. Ibu bapa pula memainkan peranan yang besar untuk mendidik mereka. Pendidikan dan keibubapaan yang positif akan membentuk anak-anak yang berakhlak (Abd Ghani et al., 2014).

Perbincangan ilmu keibubapaan dalam dunia akademik pula merupakan bidang yang sedang berkembang dengan beberapa pendekatan yang berbeza (Smith, 2010). Kajian berkenaan ilmu keibubapaan di Malaysia juga masih berkembang. Oleh yang demikian, kajian ini ingin mengenal pasti pengamalan ilmu keibubapaan dalam kalangan ibu bapa Muslim di Malaysia. Diharapkan kajian ini dapat merencanakan lagi perbincangan ilmu keibubapaan di Malaysia secara ilmiah. Dapatan kajian menunjukkan pengamalan ilmu keibubapaan yang terkini dalam kalangan ibu bapa Muslim di Malaysia. Melalui dapatan ini, pihak yang terlibat secara langsung dengan institusi keluarga seperti pembuat dasar, pakar bidang keluarga, kaunselor dan konsultan keluarga serta para ibu bapa dapat merujuk dan merancang strategi bagi mengukuhkan lagi kesedaran, pengetahuan dan pengamalan positif ilmu keibubapaan di Malaysia.

TINJAUAN LITERATUR

Keibubapaan dalam Islam merupakan sahutan daripada surah al-Tahrim ayat 6 iaitu *“Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras dan tidak menderhaka Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan”*. Ia merupakan suatu perintah Allah SWT yang bercirikan amaran buat ibu bapa untuk memelihara ahli keluarga daripada terjerumus ke dalam api neraka. Keibubapaan yang perlu dijalankan oleh ibu bapa Muslim adalah berlandaskan syariah iaitu amal makruf nahi mungkar (Syah Rizal & Hamdi, 2016). Ibu bapa bertanggungjawab untuk mencorak, mendidik dan membangunkan anak mereka untuk memberi manfaat ke dalam masyarakat (Syah Rizal & Hamdi, 2016).

Peranan Asas Keibubapaan

Holden (2020) di dalam bukunya berjudul '*Parenting: A Dynamic Perspective*' menyetengahkan enam peranan asas keibubapaan iaitu, pertama, memastikan keselamatan dan keperluan asas anak seperti menyediakan makanan, tempat tinggal dan pakaian, mengakses penjagaan kesihatan dan melindungi ahli keluarga. Kedua, memberikan sokongan sosioemosi seperti memberikan kasih sayang, memberikan disiplin dan menjadi contoh teladan. Ketiga, membina struktur seperti persekitaran, mengatur kehidupan anak dan menyediakan rutin. Keempat, merangsang dan memberikan arahan seperti menyediakan permainan dan bahan pembelajaran, memberi bimbingan dan menggalakkan pencapaian. Kelima, memantau dan mengawasi anak seperti memerhati, mengumpulkan maklumat dan berkomunikasi dengan anak. Keenam, menyediakan perhubungan sosial seperti membina hubungan dengan keluarga, membina hubungan persahabatan dan menyertai institusi atau organisasi (agama, sukan dan lain-lain).

Jadual 1: Enam Peranan Asas Keibubapaan Menurut Holden

Peranan	Huraian
1. Memastikan keselamatan dan keperluan asas	<ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan makanan, tempat tinggal dan pakaian - Mengakses penjagaan kesihatan - Melindungi ahli keluarga
2. Memberikan sokongan sosioemosi	<ul style="list-style-type: none"> - Memberikan kasih sayang - Memberikan disiplin - Menjadi contoh teladan
3. Membina struktur	<ul style="list-style-type: none"> - Membina struktur persekitaran - Mengaturkan kehidupan harian anak - Menyediakan rutin
4. Merangsang dan memberikan arahan	<ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan permainan dan bahan pembelajaran - Memberi bimbingan - Menggalakkan pencapaian
5. Memantau dan mengawasi anak	<ul style="list-style-type: none"> - Memerhati - Mengumpul maklumat - Berkomunikasi dengan anak
6. Menyediakan perhubungan sosial	<ul style="list-style-type: none"> - Membina hubungan dengan keluarga dan kaum kerabat - Membina hubungan persahabatan - Menyertai institusi atau organisasi (agama, sukan dan lain-lain)

Dalam dunia pendidikan Islam, karya Abdullah Nasih Ulwan iaitu *Tarbiyyah al-Aulād fī al-Islām* banyak dijadikan rujukan dan panduan. Beliau menyusun silibus

buat ibu bapa dalam mendidik anak-anak Muslim iaitu tanggungjawab pendidikan iman, tanggungjawab pendidikan akhlak, tanggungjawab pendidikan mental, tanggungjawab pendidikan jasmani, tanggungjawab pendidikan psikologi, tanggungjawab memberi pendidikan seks dan tanggungjawab pendidikan sosial. Berdasarkan karya ini, banyak kajian yang dijalankan bagi menangani masalah remaja dan isu-isu sosial seperti kajian Abdul Ismail dan Daud (2014) dan Sa'ari et al. (2019).

Manakala, menurut Zur Raffar et al. (2021), bagi membangunkan individu yang holistik, ibu bapa perlu memerhatikan aspek kerohanian, mental, emosi, fizikal dan sosial anak. Keibubapaan yang berlandaskan lima aspek ini diuraikan dengan lebih mendalam melalui Jadual 2.

Jadual 2: Keibubapaan Menurut Perspektif Islam

Aspek	Huraian
1. Kerohanian (akidah, ibadah dan akhlak)	<ul style="list-style-type: none"> - Mengutamakan aspek ketuhanan dan moral - Membentuk jiwa yang kuat dan teguh - Berpegang kepada prinsip agama - Mengamalkan ihsan
2. Emosi	<ul style="list-style-type: none"> - Melayan anak-anak dengan cinta dan kasih sayang - Meluangkan masa bersama - Berlaku adil - Memuji, menunjukkan penghargaan, memberi ganjaran dan maklum balas - Mendengar luahan, soalan dan cita-cita anak - Menerapkan tingkah laku positif - Membangunkan kecerdasan emosi
3. Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> - Mengutamakan kebersihan - Memberi makanan dan minuman bernutrisi, pakaian, pengangkutan, kesihatan dan kecergasan serta kemahiran - Melatih rutin tidur - Mengisi masa lapang dengan aktiviti - Memberi pendidikan seks (pengetahuan, pemahaman dan pengajaran)
4. Pemikiran	<ul style="list-style-type: none"> - Mengoptimumkan potensi efikasi sendiri - Bimbingan yang mencukupi - Memberikan pelajaran dunia dan akhirat - Mengenal pasti bakat dan potensi anak - Memberi galakan dan sokongan - Melibatkan diri dengan aktiviti persekolahan anak - Memberi pendidikan kewangan
5. Sosial	<ul style="list-style-type: none"> - Mengajar komunikasi dengan keluarga dan orang sekeliling (kawan, jiran, saudara seagama dan orang bukan Islam) secara fizikal atau atas talian - Mengajar menghormati hak orang lain, hormat dan bertimbang rasa

- Mengetahui pilihan kawan anak
- Mengawal kegiatan anak atas talian
- Menjalankan komunikasi dengan anak berlandaskan ajaran al-Quran

Sumber: Zur Raffar et al. (2021)

Berdasarkan kedua jadual di atas, dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan konsep keibubapaan yang diketengahkan oleh Barat dan Islam. Bagi ibu bapa Muslim, nilai agama Islam tidak boleh dipisahkan daripada urusan kehidupan seharian termasuklah dalam menjalankan keibubapaan. Pengkaji tidak menafikan peranan asas keibubapaan yang dibawa oleh Holden. Namun begitu, dalam masa yang sama pengkaji mengetengahkan konsep keibubapaan menurut perspektif Islam.

METODOLOGI

Dalam penelitian ini, 20 peserta yang terdiri daripada ibu bapa Muslim telah dipilih untuk ditemu bual (perempuan = 11 atau 55%, sedangkan lelaki = 9 atau 45%). Peserta berasal dari pelbagai daerah di Semenanjung Malaysia, termasuk zon Utara, zon Barat, zon Timur, dan zon Selatan. Majoriti peserta berusia dalam lingkungan 40-an dan 50-an. Sebahagian besar peserta memiliki pendidikan menengah, hanya enam orang yang melanjutkan ke pendidikan tinggi. Kebanyakan peserta masih dalam status berkahwin, sementara dua orang telah bercerai. Dalam hal jumlah anak, sebahagian besar peserta memiliki 3 atau 4 anak. Namun, lima peserta memiliki lebih dari lima anak. Frekuensi komunikasi orang tua Muslim di Malaysia dengan remaja cenderung berada pada tahap yang moderat.

Jadual 3: Demografi Responden

Item		Jumlah
Responden	Bapa	9
	Ibu	11
Umur	30-an	1
	40-an	11
	50-an	7
	60-an	1
Tahap pendidikan	Menengah	14
	Tinggi	6
Status	Berkahwin	18
	Bercerai	2
Bilangan anak	Dua	3
	Tiga	6
	Empat	6
	Lima ke atas	5
Kekerapan berkomunikasi dengan remaja	Rendah	1
	Sederhana	14
	Tinggi	5

Sebanyak 20 peserta kajian telah dipilih melalui persampelan bertujuan. Menurut Green dan Thorogood (2004), penyelidik kualitatif sering mendapat dapatan baharu selepas mewawancara 20 peserta kajian yang tergolong dalam kategori yang sama. Hagaman dan Wutich (2017) juga menyatakan bahawa untuk mendapatkan ketepatan data meta tematik, jumlah sampel sekitar 20 hingga 40 adalah diperlukan. Peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan, iaitu mereka adalah ibu dan bapa yang beragama Islam dan berasal dari empat zon di Semenanjung Malaysia: zon Utara, zon Timur, zon Barat, dan zon Selatan.

Temu bual

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dan dijalankan secara kualitatif dengan proses temu bual sebagai data primer. Menurut Lebar (2022), kaedah temu bual boleh digunakan untuk mengkaji individu-individu yang terpilih bagi mengumpul data daripada sampel yang besar. Temu bual dijalankan secara fizikal dan berseorangan bagi setiap sesi sepanjang 30 ke 90 minit.


Kaedah ini sering digunakan bagi mendapatkan informasi berkaitan suatu amalan, kepercayaan atau pendapat (National Defense Research Institute, 2009). Bagi mendapatkan maklumat yang terperinci berkenaan cabaran komunikasi yang dihadapi oleh ibu bapa Muslim dengan remaja di Malaysia, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah ini. Soalan temu bual separa berstruktur merupakan instrumen yang digunakan bagi memenuhi objektif kajian. Berdasarkan penyelidikan empirikal, kaedah ini membantu untuk menghasilkan data yang lebih mendalam (Vasileiou et al., 2018). Ini kerana, ia memberikan fleksibiliti kepada pengkaji untuk mengembangkan soalan berdasarkan jawapan yang diberikan responden (Lebar, 2022). Penjelasan yang lebih mendalam berkenaan pengalaman dan situasi juga dapat diperolehi (Adams, 2015).

Analisis data

Proses penganalisan data dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik melalui perisian ATLAS.ti 23 setelah kesemua 20 temu bual selesai ditranskrip. Menurut Paulus and Lester (2016), penggunaan ATLAS.ti membantu pengkaji kerana ia mudah diakses dengan serta-merta, mudah disambungkan dan dilihat pada skrin. Ia juga meningkatkan keupayaan pengkaji untuk mendokumentasikan kesemua hasil dan carian kajian secara sistematik. Oleh yang demikian, perisian ini menjadi pilihan pengkaji untuk mendapatkan hasil tematik kajian daripada sumber primer. Setelah data diperolehi, satu perbincangan bersama ahli-ahli penyelidik dijalankan untuk tujuan semakan dan penambahbaikan. Setelah berbincang dan diperhalusi satu-persatu, maka terhasillah 9 tema kaedah komunikasi ibu bapa dengan remaja. Namun begitu, dalam kajian ini pengkaji hanya menekankan berkenaan satu tema sahaja iaitu ilmu keibubapaan. Bagi tema ini, pengkaji mengenal pasti 4 elemen pengamalan ilmu keibubapaan dalam kalangan ibu bapa Muslim di Malaysia.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat empat elemen pengamalan ilmu keibubapaan dalam kalangan ibu bapa Muslim di Malaysia iaitu sentiasa menambah ilmu, menjalankan gaya keibubapaan yang berbeza dengan generasi sebelumnya, mendapatkan nasihat pakar tentang masalah keluarga dan terdapat juga segelintir ibu bapa yang kurang membuat persediaan.



Rajah 1: Pengamalan Ilmu Keibubapaan dalam Kalangan Ibu Bapa Muslim di Malaysia

Sentiasa menambah ilmu

Ibu bapa Muslim di Malaysia dilihat sentiasa menambah ilmu keibubapaan dari pelbagai sumber seperti buku dan video di internet seperti R6; “*Kalau zaman dulu, kita banyak baca buku jelah. Selepas ada IT ni, kita share la video-video daripada Youtube ke, sekarang ada TikTok kan, kita share kat situ jelah*”. Hal ini menunjukkan satu usaha yang positif dari sudut kesedaran ibu bapa Muslim di Malaysia dalam menambah ilmu keibubapaan. Ia seperti yang dinyatakan oleh Syah Rizal et al. (2017) bahawa ilmu keibubapaan ini perlu dipertingkatkan oleh ibu bapa dalam mendepani cabaran mendidik anak remaja. Ia boleh dilakukan dengan pencarian ilmu keibubapaan dari pelbagai sumber untuk dijadikan panduan. Tahap keibubapaan yang positif dapat ditingkatkan dengan penglibatan ibu bapa dengan program keibubapaan. Pada era teknologi moden ini, terdapat juga program atau ilmu keibubapaan secara atas talian yang dapat memberi kesan terhadap keibubapaan positif. Keibubapaan yang positif secara langsung dapat mengurangkan interaksi negatif antara ibu bapa dan anak, masalah tingkahlaku anak, kebimbangan anak, strategi disiplin yang negatif, konflik keibubapaan, tekanan ibu bapa, kemarahan ibu bapa dan kebimbangan ibu bapa. Ibu bapa yang

menyertai program keibubapaan juga dapat meningkatkan kepuasan mereka dalam menjalankan amalan keibubapaan terhadap anak (Spencer et al., 2020).

Menurut R10 pula; *“Ibu bapa kena ada ilmu. Macam akak, akak suka kelas-kelas agama.”*. Di Malaysia, kelas-kelas agama mudah didapati di sekeliling masyarakat kerana masjid sejak dahulu lagi dijadikan sebagai pusat keilmuan yang menyediakan pembelajaran dan program yang bersesuaian (Abd. Wahab et al., 2016). Di dalam Islam, konteks ilmu keibubapaan telah diajarkan melalui sumber primer al-Quran seperti di dalam surah Luqman dan hadis-hadis Rasulullah SAW beserta penulisan para ulama’ terdahulu seperti *Ihyā’ ‘Ulum al-Dīn* karangan Imam al-Ghazali dan ulama’ kontemporari seperti Abdullah Nasih Ulwan menerusi kitabnya *Tarbiyyah al-Aulād fī al-Islām*. Oleh sebab itu, kelas-kelas agama mencakupi segala perihal kehidupan Muslim. Ibu bapa Muslim perlu mempunyai kesedaran untuk sentiasa menambah pemahaman mereka berkenaan ilmu keibubapaan. Hal ini selari dengan harapan Zur Raffar dan Hamjah (2018) yang menjelaskan bahawa kaum bapa perlu sentiasa bermuhasabah, menambah pengetahuan ilmu agama, menyertai program-program keibubapaan dan mendapatkan sokongan daripada orang sekeliling. Ilmu keibubapaan perlu diperkuatkan lagi bagi membangunkan generasi yang berakhlak mulia (Hamjah et al., 2020) kerana ibu bapa adalah watak utama di dalam keluarga (Sumari et al., 2020). Sebagai tambahan, ibu bapa boleh melihat kepada panduan alat ukur keibubapaan Islam yang telah dibangunkan oleh Jalal et al. (2014). Alat ukur ini terdiri daripada amalan awal dan khusus buat ibu bapa. Ia merangkumi elemen akidah, ibadah, akhlak, sosial, emosi, jasmani dan kesihatan, emosi dan seksualiti.

Menjalankan Gaya Keibubapaan yang Berbeza dengan Generasi Sebelumnya

Selain itu, ibu bapa Muslim di Malaysia juga menjalankan corak keibubapaan yang berbeza dengan generasi sebelumnya. Menurut R7: *“Saya jalankan metode yang opposite dengan style parenting ibu bapa saya. Ibu bapa saya lebih kepada dictatorship. Ibu bapa saya bagi arahan anak-anak kena dengar sahaja, dia sehalo sahaja. Saya guna cara gentle parenting dan create safe space untuk anak-anak. Saya memang tidak mahu anak-anak saya rasa sama macam saya. Anak-anak saya memang boleh cerita apa-apa pada saya”*. Pendekatan yang digunakan oleh R7 ini turut dilakukan oleh ibu bapa di Sepanyol yang memilih untuk menunjukkan kasih sayang dan kemesraan terhadap anak dimana mereka menjalankan gaya keibubapaan yang berbeza dengan apa yang dijalankan oleh ibu bapa mereka terdahulu (Garcia et al., 2020). Gaya keibubapaan sesuatu generasi menentukan gaya keibubapaan generasi seterusnya (Ghorbani et al., 2022). Gaya keibubapaan ibu terutamanya adalah dibentuk berdasarkan bagaimana ibu diasuh oleh ibu bapanya (Lomanowska et al., 2017). Bagi R7, kesan gaya keibubapaan ibu bapanya menyebabkan beliau menghadapi penderaan mental seperti yang disebut; *“Dia sudah tertanam dalam kepala saya, jadi saya tak dapat lupa.. itu kerana mental abused (nangis). Saya sebenarnya ada anxiety dan depression. Saya ada ambil ubat juga. Jadi, saya memang tidak mahu anak-anak saya rasa sama macam saya. Anak-*

anak saya memang boleh cerita". Sebagai ibu, R7 berusaha untuk menghentikan gaya keibubapaan yang terlampau tegas untuk kebahagiaan anak-anaknya. Gaya keibubapaan bermaksud kelakuan ibu bapa dalam membesarkan anak-anak mereka. Kajian oleh Ghorbani et al. (2022) menunjukkan bahawa generasi ibu bapa kini menunjukkan lebih kemesraan terhadap anak-anak. Salah satu faktor ialah berlakunya peningkatan terhadap fokus ibu bapa dengan ahli keluarganya. Kemesraan hubungan antara ibu bapa dengan anak memberi kesan yang positif terhadap penyesuaian psikososial anak. Kesan ini dilihat lebih baik daripada ibu bapa yang mengamalkan corak keibubapaan autoritatif (mesra dan tegas). Manakala bagi ibu bapa yang kurang mesra dan bersikap mengabaikan anak-anak menyebabkan anak-anak lemah dalam penyesuaian psikososial (Garcia et al., 2020). Ibu bapa yang lebih menumpukan orientasi keakuratan terhadap anak sememangnya membentuk anak yang berdisiplin. Namun begitu, ia juga membentuk anak yang memberontak dan pendiam. Oleh yang demikian, orientasi keakuratan perlulah dijalankan seiring dengan orientasi perbualan bagi mewujudkan hubungan yang harmoni. Ruang interaksi yang diwujudkan ibu bapa membuatkan anak-anak berasa selesa dan dalam masa yang sama hormat kepada ibu bapa (Abdul Rahman & Alavi, 2023).

Mendapatkan Nasihat Pakar tentang Masalah Keluarga

Ibu bapa Muslim di Malaysia juga dilihat mengambil inisiatif untuk berjumpa dan mendapatkan nasihat daripada pakar tentang masalah keluarga yang dialami. Menurut R15: *"Sejak saya mengikuti kursus tu, parenting dengan counselor tu kan, dia bagitahu saya, untuk puan nak involvekan suami puan dalam pendidikan anak-anak atau dalam kehidupan apa semua ni. Puan kena buka satu ruang untuk dia walaupun sekarang ni nampak macam dah terlambat tapi boleh lagi adalah acceptance. Acceptance tu puan kena anggap dia sebagai rakan kongsi. Jangan anggap sebagai saingan. So bila dalam mesyuarat dalam rumahtangga tu bila anak dengan mak bercakap, bapa dengan anak bercakap, jangan masuk campur, walaupun dia punya hujah tu nampak macam tak berapa nak okay, tak berapa nak relevan ke apa. Just shut your mouth first and accept benda tu"*. R15 berhadapan dengan cabaran suami tidak melibatkan diri dalam urusan anak-anak disebabkan oleh kawalan yang tinggi daripada pihak si ibu. R15 kemudian mendapatkan nasihat pakar iaitu R15 diminta untuk membuka ruang kepada suami untuk berkomunikasi dan memberikan pendapat kepada ahli keluarga. Inisiatif yang dilakukan oleh R15 ini membantu untuk meningkatkan komunikasi keluarga, menyelesaikan masalah keluarga, memahami dan menguruskan situasi tertentu dalam keluarga dan membina persekitaran keluarga yang lebih baik (Varghese et al., 2020).

Kerjasama ibu bapa yang baik dan sihat boleh mengukuhkan kualiti hubungan dalam hubungan ibu bapa-anak. Apabila ibu bapa bekerjasama dan menyokong antara satu sama lain dalam usaha pengamalan ilmu keibubapaan mereka, tingkah laku sedemikian bukan sahaja menguatkan antara perhubungan ibu bapa tetapi juga meningkatkan kestabilan yang boleh mengukuhkan keselamatan emosi anak-anak.

Kestabilan hubungan dan kerjasama ibu bapa yang sihat mewujudkan perkembangan komunikasi keluarga dan hubungan kekeluargaan (O'Mara & Schrodt, 2017).

Kurang Membuat Persediaan

Menurut R5; “*Kita mungkin ibu yang kurang berilmu, jadi persediaan tu.. kurang. Tak terfikir tentang ni*”. Ini menunjukkan bahawa terdapat ibu bapa Muslim di Malaysia yang kurang kesedaran akan kepentingan ilmu keibubapaan. Pengamalan ilmu keibubapaan sememangnya memberi kesan terhadap pembangunan dan pembentukan anak seperti yang disebut dalam Abd Ghani et al. (2014). Persediaan keibubapaan yang rendah akan membuka ruang masalah dalam hubungan ibu bapa dengan anak dari pelbagai aspek. Hal ini seperti dalam kajian Garthe et al. (2015) yang menyatakan bahawa pengetahuan dan penerimaan keibubapaan dapat meramal pendedahan anak yang menghadapi kemurungan dan kebimbangan setahun lebih awal. Ia kemudiannya dapat mengurangkan risiko daripada pendedahan ini. Sebaliknya, jika ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan ilmu keibubapaan, anak di dalam fasa remaja terutamanya akan menghadapi simptom dalaman kemurungan dan kebimbangan. Pendedahan negatif ibu bapa kepada anak-anak mereka menjadi pengantara hubungan antara kedua-dua dimensi komunikasi kedua-dua hasil hubungan. Kesan tidak langsung komunikasi negatif ibu menyebabkan kedekatan hubungan ibu dengan anak terganggu (O'Mara & Schrodt, 2017).

KESIMPULAN

Kemahiran keibubapaan di Malaysia merupakan sesuatu yang unik disebabkan oleh latar belakang pelbagai budaya. Melalui kajian ini didapati bahawa corak pengamalan ilmu keibubapaan dalam kalangan ibu bapa Muslim di Malaysia dilihat semakin bertambah baik dimana ibu bapa sentiasa menambah ilmu, menjalankan corak keibubapaan yang berbeza dengan generasi sebelumnya dan mendapatkan nasihat pakar tentang masalah keluarga. Namun begitu, tidak dinafikan terdapat juga ibu bapa yang kurang membuat persediaan untuk mendalami ilmu keibubapaan. Kesedaran berkenaan kepentingan ilmu keibubapaan ini perlu ditingkatkan dan pengetahuan ilmu keibubapaan perlulah ditambah dari semasa ke semasa. Seiring dengan kemajuan teknologi masa kini, ibu bapa boleh mengambil inisiatif untuk mendapatkan bantuan pakar kekeluargaan atau mendaftar program keibubapaan secara berkala dalam talian. Penguasaan ilmu keibubapaan akan membantu ibu bapa dalam membina keluarga yang harmoni.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan ke atas *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) 2022. No. Geran: FRGS/1/2022/SSI13/KUIS/03/5, Universiti Islam Selangor yang bertajuk ‘Model Komunikasi Ibu Bapa Muslim (MoKIM) dalam Acuan Keluarga Malaysia’.

RUJUKAN

- Abdul Ghani, F., Abdullah Kamal, S. L., & Abd Aziz, A. (2014). The implication of parenting styles on the akhlak of muslim teenagers in the south of Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 114, 761–765. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.12.781>
- Abdul Rahman, N. A., & Alavi, K. (2023). Pattern of interpersonal communication between parents and adolescence among the B40 family. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 9(1), 1–11. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol9.1.1.2023>
- Abd. Wahab, N. A., Ab. Hamid, N., & Che Man, N. (2016). Pemeraksanaan peranan masjid di Malaysia Era Kontemporari. *Academia Journal UiTMT*, 5(2), 219–229. <http://journale-academiauitmt.edu.my/>
- Adams, W. C. (2015). Conducting semi-structured interviews. In *Handbook of Practical Program Evaluation*, 4, 492–505.
- Baba, Sidek. (2007). Peranan sistem pendidikan dalam membangunkan keluarga Islam. In *keluarga Islam, kemahiran keibubapaan dan cabaran semasa*. MPH Group Printing (M) Sdn Bhd.
- Bernama. (2022, March 13). *Hukum pesalah muda: Pertimbang aspek psikologi, kukuh institusi keluarga*.
- Bernama. (2023, August 1). *Polis siasat kejadian perempuan dipukul di tangga*.
- Bernama. (2024, February 17). *Institusi keluarga kukuh berperanan bendung remaja terlibat jenayah - Ketua Polis Kelantan*. Astro Awani.
- Garcia, O. F., Fuentes, M. C., Gracia, E., Serra, E., & Garcia, F. (2020). Parenting warmth and strictness across three generations: Parenting styles and psychosocial adjustment. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(20), 1–18. <https://doi.org/10.3390/ijerph17207487>
- Garthe, R. C., Sullivan, T., & Kliewer, W. (2015). Longitudinal relations between adolescent and parental behaviors, parental knowledge, and internalizing behaviors among urban adolescents. *Journal of Youth and Adolescence*, 44(4), 819–832. <https://doi.org/10.1007/s10964-014-0112-0>
- Ghorbani, S., Gharraee, B., Hosseini, F., Maghami Sharif, Z., & Aghebati, A. (2022). Changing parenting style between two generations and its impacts on the severity of behavioral and emotional symptoms. *Asia-Pacific Psychiatry*, 14(1). <https://doi.org/10.1111/appy.12448>
- Green, J., & Thorogood, N. (2004). *Qualitative methods for health research*. SAGE Publications Ltd.
- Hagaman, A. K., & Wutich, A. (2017). How many interviews are enough to identify metathemes in multisited and cross-cultural research? Another perspective on Guest, Bunce, and Johnson's (2006) Landmark Study. In *Field Methods*, 29(1), 23 - 41. SAGE Publications Inc. <https://doi.org/10.1177/1525822X16640447>
- Hamjah, S. H., Zur Raffar, I. N. A., Rahman, Z. A., & Rasit, R. M. (2020). Applying spiritual aspect of parenting skills to adolescents in the family. *Afkar*, 22(2), 314–346. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol22no2.9>

- Holden, G. W. (2020). *Parenting a dynamic perspective*. SAGE Publication.
- Ismail, A. M., & Daud, M. N. (2014). *Suatu analisis pendekatan Abdullah Nasih Ulwan dalam menangani penyelewengan terhadap pendidikan anak-anak*. 3, 14–35.
- Jalal, F. H., Noor, Z., & Twahir @ H. Tahir, W. (2014). Pembinaan alat ukur amalan keibubapaan muslim development of measuring muslim parenting practice. *Jurnal Perspektif*, 6(2), 1–14.
- Lebar, O. (2022). *Penyelidikan Kualitatif*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lomanowska, A. M., Boivin, M., Hertzman, C., & Fleming, A. S. (2017). Parenting begets parenting: A neurobiological perspective on early adversity and the transmission of parenting styles across generations. *Neuroscience*, 342, 120–139. <https://doi.org/10.1016/j.neuroscience.2015.09.029>
- National Defense Research Institute. (2009). *Data collection methods semi-structured interviews and focus groups*. www.rand.org
- O'Mara, C., & Schrod, P. (2017). Negative parental disclosures as mediators of coparental communication and relational outcomes in parent-child relationships. *Journal of Family Communication*, 17(2), 169–184. <https://doi.org/10.1080/15267431.2017.1284071>
- Paulus, T. M., & Lester, J. N. (2016). ATLAS.ti for conversation and discourse analysis studies. *International Journal of Social Research Methodology*, 19(4), 405–428. <https://doi.org/10.1080/13645579.2015.1021949>
- Sa'ari, C. Z., Syed Muhsin, S. B., Ahmad, S. S., & Abd Latif, F. (2019). Model pendidikan keibubapaan Abdullah Nasih Ulwan (MPIU) dalam menangani isu remaja lari dari rumah. *Journal of Usuluddin*, 73–103. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.sp2019no1.4>
- Smith, M. (2010). Good parenting: Making a difference. *Early Human Development*, 86(11), 689–693. <https://doi.org/10.1016/j.earlhumdev.2010.08.011>
- Spencer, C. M., Topham, G. L., & King, E. L. (2020). Do online parenting programs create change? A meta-analysis. *Journal of Family Psychology*, 34(3), 364–374. <https://doi.org/10.1037/fam0000605>
- Sumari, M., Baharudin, D. F., Khalid, N. M., Ibrahim, N. H., & Ahmed Tharbe, I. H. (2020). Family functioning in a collectivist culture of Malaysia: A qualitative study. *Family Journal*, 28(4), 396–402. <https://doi.org/10.1177/1066480719844334>
- Syah Rizal., & Hamdi, I. (2016). Peranan Ibu Bapa Terhadap Remaja dalam keibubapaan Islam. *Fikiran Masyarakat*, 4(2).
- Syah Rizal., Hamdi, I., & Najah Nadiyah, A. (2017). Hubungan antara tingkahlaku remaja dengan amalan ibu bapa. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia*, 1–7. <https://www.researchgate.net/publication/324247950>
- Varghese, M., Kirpekar, V., & Loganathan, S. (2020). Family interventions: Basic principles and techniques. *Indian Journal of Psychiatry*, 62(8), 192. https://doi.org/10.4103/psychiatry.IndianJPsychiatry_770_19

- Vasileiou, K., Barnett, J., Thorpe, S., & Young, T. (2018). Characterising and justifying sample size sufficiency in interview-based studies: Systematic analysis of qualitative health research over a 15-year period. *BMC Medical Research Methodology*, 18(1). <https://doi.org/10.1186/s12874-018-0594-7>.
- Vivi Sumanti. (2022, July 9). *Hubungan erat keluarga mampu tangani jenayah seksual, sumbang mahram - Pemangku KP Kelantan*. Astro Awani.
- Zur Raffar, I. N. A., & Hamjah, S. H. (2018). Personaliti bapa menurut perspektif Islam dan aplikasinya dalam keluarga. *Father's personality according to Islamic perspective and his application in the family*. *ISLAMIYYAT*, 40(1), 61–69. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2018-4001-07>
- Zur Raffar, I. N. A., Hamjah, S. H., Hasan, A. D., & Nik Dahalan, N. N. (2021). Parenting skills according to the Islamic perspective towards family well-being. *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga Dan Hukum Islam*, 5(2), 552–578. <https://doi.org/10.22373/sjhc.v5i2.9576>